

Erat hubungan silaturahmi

► *JHEP adakan Program Sesi Membaja Pokok Buah-Buahan*

UB 17.1.2019 2



Dari Kampus

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Program Sesi Membaja Pokok Buah-Buahan sempena lawatan tidak rasmi Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof Dr Ismail Ali ke sekitar kawasan bangunan JHEP pada 10 Januari lalu.

Tujuan lawatan dan tinjauan ke sekitar kawasan JHEP adalah untuk melihat perkembangan pokok buah-buahan yang ditanam di situ. Di samping itu, dapat merapatkan lagi hubungan silaturahmi sesama kakitangan di JHEP, Pusat Sukan, Pusat Kerjaya dan Pusat Alumni.

Program itu adalah aktiviti HEPA pertama awal tahun 2019. Program diselaraskan melalui Pusat Kerjaya oleh




ISMAIL mencantas ranting-ranting pokok.

Penolong Pendaftar Kanan Abdul Haidy Abdul Hamid.

Turut diadakan sesi memberi baja makanan ikan di kolam ikan Tagal JHEP di mana semua kakitangan HEPA sama-sama mengambil bahagian memberi baja makanan kepada ikan-ikan di kolam berkenaan.

Timbalan Naib Canselor (HEPA) memaklumkan agar



ISMAIL bersama kakitangan HEPA semasa program lawatan sekitar JHEP.



KAKITANGAN HEPA sedang membaja pokok.


sentiasa menjaga tanaman pokok buah-buahan di sekitar kawasan berkenaan.

Beliau juga mencadangkan mengadakan pertandingan memancing dan perlawanan

bola sepak campuran yang dijangka minggu depan sebagai mengeratkan lagi hubungan sesama kakitangan HEPA.

Turut hadir pada program

itu ialah Ketua JHEP Ahmadi Nurdin, Pengarah Pusat Kerjaya Prof Madya Dr Lai Yew Meng serta para pegawai dan kakitangan HEPA.



LAI sedang membaja pokok.



AHMADI memberi baja makanan kepada ikan.



ISMAIL bersama Ahmadi, Mohd Asyraf Abdullah, Lai dan kakitangan HEPA.